

03 NOV 1997

G15-Afrika

AFRIKA MUNGKIN TERSISIH DALAM GLOBALISASI, LIBERALISASI

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe hari ini memberi amaran bahawa Afrika menghadapi kemungkinan tersisih dalam proses globalisasi dan meliberalisasikan perdagangan.

Mugabe, yang mewakili Afrika pada perasmian sidang kemuncak G15 ketujuh di sini, berkata: "Bagi kebanyakan negara membangun, keuntungan daripada globalisasi dan meliberalisasikan perdagangan masih belum dirasai.

"Bagi Afrika, yang mempunyai 33 daripada 48 negara yang kurang membangun, terdapat bahaya yang nyata bahawa benua ini mungkin tersisih dalam proses itu," katanya pada sidang kemuncak itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata globalisasi dan liberalisasi juga mengakibatkan sesetengah negara menikmati pertambahan pengaliran terus pelaburan asing, akses pasaran dan pemindahan teknologi, seterusnya membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang cepat.

Mugabe berkata walaupun kebanyakan negara Afrika telah memulakan reformasi politik dan ekonomi yang bertujuan mewujudkan suasana yang membolehkan pengaliran terus pelaburan asing (FDI), sambutan daripada para pelabur tidak begitu memuaskan.

Beliau berkata kajian tahunan Ekonomi dan Sosial Dunia yang dikeluarkan Julai lepas menyebut bahawa Afrika mempunyai kurang daripada lima peratus FDI di negara-negara membangun pada 1996.

Mugabe berkata setelah mengambil kira dividen dan pembayaran keuntungan lain ke atas pelaburan sedia ada, pemindahan bersih daripada FDI di negara-negara Afrika yang berhutang melibatkan pengaliran keluar US\$1 bilion.

"Keadaan itu diburukkan lagi oleh beban hutang dan Bantuan Pembangunan Rasmi yang semakin berkurangan, sehingga menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang rendah di kebanyakan negara Afrika, terutama negara-negara kurang membangun," katanya.

Mugabe berkata beliau membangkitkan isu fenomena kemiskinan yang membayangi benua itu pada satu mesyuarat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Afrika dan menekankan perlunya tindakan antarabangsa yang bersepadu untuk mengelakkan krisis di benua itu.

Beliau berkata dunia membangun kini mendapati diri mereka berhadapan dengan syarat-syarat baru dan langkah-langkah terbatas yang menghalang sebarang faedah diperolehi daripada proses globalisasi.

Perkara itu dan perubahan-perubahan besar yang berlaku dalam suasana ekonomi dunia mengakibatkan kumpulan itu perlu segera mempertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan dan memburu objektif G15 yang ditetapkan pada 1990, katanya.

G15, katanya, berupaya menjadi pemangkin dalam menggalakkan kerjasama sedemikian dan pelbagai projek G15 harus bergerak daripada peringkat penggubalan kepada peringkat pelaksanaan.

Beliau berkata Afrika mahu melihat peningkatan pembabitan oleh masyarakat perniagaan Afrika dalam kerjasama antara G15 dan menggunakan sepenuhnya kemudahan seperti Pelaburan Selatan, Pusat Pertukaran Data, Maklumat, Teknologi Perdagangan dan Pelaburan Selatan (Sittdec).

Mugabe berkata Afrika gembira bahawa usaha-usaha G15 untuk menggalakkan dialog Selatan-Utara telah membuahkan hasil dan menyambut baik pembangunan yang diusahakan oleh negara-negara maju di benua itu. -- BERNAMA

MAM AKD

